

# UPM sasar 30 universiti terbaik

**KUALA LUMPUR 6 Nov.** - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan terus mengorak langkah menerusi pelbagai pelan strategik dan langkah proaktif dalam usaha mencapai sasaran 30 universiti terbaik dunia dalam bidang pertanian pada 2020.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, kerajaan amat menggalakkan usaha dan inisiatif universiti dalam negara untuk mencapai kedudukan yang tinggi di dunia dan UPM menyahut cabaran itu.

Beliau berkata, kejayaan yang dicapai oleh UPM setakat ini bukan satu alasan untuk universiti tersebut berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan kedudukan sedia ada tetapi perlu berjuang mencapai tahap lebih tinggi.

"Kita akan mengetengahkan peluang yang ada, seterusnya menyahut saranan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan utama dalam dunia," katanya pada majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-Institu-

si Pengajian Tinggi Swasta Ke-16 dekat sini, semalam.

Baru-baru ini, UPM melakar sejarah tersendiri apabila dinobatkan universiti ke-54 terbaik dunia dalam bidang Sains Pertanian menurut penarafan Kedudukan Universiti Terbaik Global oleh *US News and World Report*.

Selain itu, UPM turut disenaraikan sebagai universiti terbaik Asia Tenggara dan ketujuh terbaik di rantau Asia bagi bidang tersebut.

Sementara itu, majlis konvokesyen tersebut menyaksikan 314 pelajar dari tujuh IPTS menerima diploma dan ijazah masing-masing.

Penerima Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Peringkat Diploma, **Nur Suziana Ismail**, 21, berkata, kejayaannya adalah berkat sokongan keluarga dan rakan yang banyak membantu sepanjang pengajiannya.

"Walaupun keputusan Sijil Pelajaran Malaysia saya kurang memberangsangkan, itu tidak mematahkan semangat sebaliknya menjadi pemangkin untuk terus

berusaha dalam mengejar ilmu," katanya yang menerima Diploma Pembangunan Manusia.

Penerima Anugerah Tadbir Urus Manusia, **Hafizan Mohamad Noor**, 25, pula berkata, anugerah yang diterimanya adalah hasil usaha program kebajikan yang dilakukan semasa menuntut di Putra Business School iaitu salah satu IPTS yang menjalankan program kerjasama dengan UPM.

"Apabila kita mempunyai azam dan buah fikiran untuk melakukan sesuatu perkara pastinya segala urusan akan dipermudah serta mendapat sokongan daripada pelbagai pihak," katanya yang menerima Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan.

Turut menerima anugerah ialah K. Risidaxshinni (Anugerah Presiden-Terbaik Akademik), Nazatul Shima Mazelan (Anugerah Graduan Cemerlang Peringkat Ijazah Sarjana Muda) dan Nur Delleria Shahiera Shaharom (Anugerah Graduan Cemerlang Akademik Peringkat Diploma).



**DR. MOHD. FAUZI RAMLAN** (tiga dari kanan) beramah mesra dengan para penerima anugerah pada Majlis Konvokesyen Ke-16 UPM di Serdang kelmarin. - UTUSAN/RUSHDI SALLEH